

Banjir Kelantan semakin pulih

KOTA BHARU – Mangsa yang dipindahkan ke dua pusat pemindahan banjir di sini semakin berkurang apabila pusat pemindahan Dewan Besar Sekolah Menengah Kamil ditutup semalam.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, sehingga jam 6 petang semalam, hanya sebuah pusat sahaja dibuka iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Awang di Jajahan Pasir Puteh.

Seramai 18 mangsa dipindahkan ke sekolah tersebut melibatkan lima keluarga di kawasan kampung Gong Keding.

Sungai-sungai utama seperti Sungai Lebir, Tambatan Diraja dan Sungai Golok di Jenob kini berada di paras berjaga-jaga manakala Sungai Golok di Rantau Panjang mencatatkan 8.80 meter iaitu melebihi paras bahaya 8.00.

Jalan-jalan yang terhakis dan ditutup sebelum ini kini telah dibuka kepada orang ramai seperti biasa.